

SUKAN \$500,000 jaya dikumpul bagi projek pusat silat

Berita Minggu, 31 December 2000, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL22008

Printer-Friendly Page

SUKAN

\$500,000 jaya dikumpul bagi projek pusat silat

Sheik Alauddin: Dakwaan Persisi terkial-kial kumpul wang tidak tepat

Silat

Oleh

YUSOFF A. RAHMAN

SEPERTI Persekutuan Sepaktakraw Singapura (Perses), Persekutuan Silat Singapura (Persisi) juga telah berjaya mengumpulkan wang sebanyak \$500,000 untuk projek Pusat Silat dan Sepak Takraw di Bedok.

Ini telah dinyatakan oleh Pengerusi Projek Dana Persisi, Sheik Alauddin Yaacob, yang juga Pengarah Teknikal badan induk itu.

"Adalah tidak tepat laporan media yang menyebut kami terkial-kial mengumpulkan wang untuk projek tersebut," kata Sheik sebagai merujuk laporan akhbar bahawa Persisi terkial-kial dengan projek mencari dana sedangkan usaha Perses berjalan lancar.

Majlis Sukan Singapura (SSC) telah meminta Persisi dan juga Perses masing-masing mengumpulkan wang \$750,000 untuk projek tersebut.

Bagaimanapun wang sebanyak \$350,000 telah pun didapatkan selewat-lewatnya hari ini iaitu mengikut tempoh yang ditetapkan de-

ngan selebihnya dikumpulkan pada tahun depan.

"Dengan sukacita saya beritahu bahawa kami telah mengumpulkan wang lebih daripada yang ditetapkan sehingga Disember. Kami telah mengumpulkan \$500,000 dan wang itu telah pun diserahkan kepada SSC," kata Sheikh.

Ini turut disahkan oleh Pegawai Sukan Kanan SSC, Abdul Rahman Hassan.

"Kedua-dua Persisi dan Perses masing-masing telah berjaya mengumpulkan \$500,000 sekalipun matlamat yang ditetapkan sehingga Disember ialah \$350,000.

"Saya menaruh keyakinan bahawa kedua-dua persekutuan itu boleh mendapatkan jumlah bakinya pada tahun depan," jelas Abdul Rahman.

Sumbangan terbesar yang diterima oleh Persisi ialah daripada Singapore Pools iaitu sebanyak \$375,000.

"Kami juga ingin merakamkan terima kasih kepada Encik Abdullah Tarmugi, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan serta Setiausaha Parlimen (Pendi-

dikan), Encik Mohamed Maidin Packer Mohd, kerana usaha mereka mendapatkan bantuan kewangan \$100,000 dari Majlis Pembangunan Masyarakat Marine Parade," ujar Sheik sambil menambah Persisi juga menerima sumbangan \$20,000 dari Yayasan Lee.

"Selebihnya, kami menerima sumbangan daripada

pelbagai pihak termasuk Anugerah Kencana," ujar Sheik sebagai merujuk syarikat jual kereta yang antara pemiliknya termasuk Fandi Ahmad,


Beliau kemudian menarik perhatian Persisi telah melakarkan lima projek untuk tahun depan termasuk Larian Keliling Singapura dan Golf Amal.

“Kami telah mengumpulkan wang lebih daripada yang ditetapkan sehingga Disember. Kami telah mengumpulkan \$500,000 dan wang itu diserahkan kepada SSC.”

Pengerusi Projek Dana Persisi, Sheik Alauddin Yaacob.

“Kedua-dua Persisi dan Perses masing-masing telah berjaya mengumpulkan \$500,000 sekalipun matlamat yang ditetapkan sehingga Disember ialah \$350,000.”

Pegawai Sukan Kanan SSC, Abdul Rahman Hassan.



Model bangunan: Inilah bentuk Pusat Persisi dan Perses apabila siap pada akhir tahun depan.